

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN  
                  BIN AMAN RAZALI  
KAWASAN : KUALA NERUS  
NO. SOALAN : 403

YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan perancangan Kerajaan berhubung projek hab perdagangan halal di Dubai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Hubungan perdagangan produk halal di antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dari tahun ke tahun. Kedudukan Dubai yang strategik membolehkan produk halal dari Malaysia dan Asia Tenggara menembusi pasaran Asia Barat dan Eropah. Pada masa yang sama, UAE juga dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran produk halalnya untuk ke pasaran Asia Tenggara.

Pada tahun 2013, eksport barang halal Malaysia ke UAE bernilai RM546.45 juta iaitu peningkatan sebanyak 5.4% berbanding RM518.45 juta pada tahun 2012. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, eksport produk halal Malaysia ke UAE bernilai RM355.72 juta.

Dalam usaha menggalakkan perdagangan keluaran halal, penyertaan Malaysia di dalam pelbagai pameran antarabangsa di UAE seperti GULFOOD merupakan inisiatif penting dalam memasarkan produk makanan dan minuman halal serta membantu syarikat Malaysia dalam menembusi pasaran timur tengah dan antarabangsa.

Perdagangan produk halal dijangka akan turut memacu perkembangan sistem perbankan dan kewangan islam secara amnya. Bagi merealisasikan objektif tersebut, Perbadanan Pembangunan Industri Halal (*Halal Industry Development Corporation (HDC)*) sedang bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk memastikan agar penglibatan bank-bank tempatan di dalam pembangunan hab ekonomi Islam di Malaysia dapat dijayakan dan dijalankan dengan hab ekonomi Islam Dubai.

Pembangunan hab ekonomi Islam ini turut merangkumi aspek-aspek seperti sumber manusia, kepakaran, pematuhan syariah dan produk yang konsisten yang boleh diguna pakai di semua negara Islam.